


# Jemaah Menteri cipta sejarah mesyuarat tanpa kertas

Oleh Saadiah Ismail - Januari 6, 2021 @ 2:31pm  
saadiah\_ismail@bh.com.my



Mesyuarat Jemaah Menteri yang pertama pada tahun ini diadakan secara digital tanpa kertas. FOTO NSTP

KUALA LUMPUR: Mesyuarat Jemaah Menteri yang pertama tahun ini mencatat sejarah tersendiri apabila berlangsung secara digital sepenuhnya.

Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Mohd Zuki Ali, berkata pendekatan itu menunjukkan kerajaan komited ke arah pembangunan lestari.

Katanya, inisiatif yang dilaksanakan ini menyokong agenda Matlamat Pembangunan Lestari (SDG).

"Perubahan ini jelas memperlihatkan iltizam dan komitmen kerajaan untuk terus melaksanakan inisiatif serta program pembangunan.

"Ia demi meningkatkan kesejahteraan dan kebajikan rakyat yang akan terus diutamakan," katanya dalam satu hantaran di Facebook, hari ini.

Mohd Zuki berkata, dalam mesyuarat itu, Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin turut menekankan kerajaan perlu menitikberatkan peningkatan kualiti kesihatan awam.

"Perdana Menteri turut mahu pengukuhan ekonomi negara dilakukan melalui pelaksanaan Belanjawan 2021, memastikan kestabilan politik, keharmonian antara kaum dan kedaulatan negara sentiasa dipelihara," katanya.

Sementara itu, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), Khairy Jamaludin berkata, inisiatif pelaksanaan mesyuarat tanpa kertas berjaya dilaksanakan dalam mesyuarat Kabinet hari ini.


Katanya, dalam tempoh enam bulan lalu, semua ahli mesyuarat menerima sekotak kertas fizikal setiap minggu, dan hari ini, ia tiada langsung.

"Semua maklumat mengenai mesyuarat kini di dalam pelayar yang selamat dan boleh diakses peranti kami.

"Pada masa hadapan, diharap Parlimen yang akan bersidang juga menggunakan kaedah ini, tanpa sebarang kertas fizikal," katanya menerusi Twitter.



- TERKINI PILIHAN PEMBACA
- 6m Agong sumbang RM34,200 kepada PBPBNP
  - 10m Limpahan air Empangan Tasik Kenyir proses biasa - TNB
  - 24m PM luang masa lawat SG Academy
  - 28m Geng Pali aktif curi kenderaan tumpas
  - 32m Anggota tentera siapkan
  - 42m Tidur atas katil, lantai dipenuhi banjir
  - 43m Amanar cuaca buruk, hujan lebat di beberapa negeri hingga Selasa depan
  - 50m Stor simpan dadah diserbu



**POLITIK** 2 jam yang lepas  
Muafakat Nasional selesai bahagi separuh kerusi PRU-15

**EROPAH** 5 jam yang lepas  
WHO beri amaran tempoh enam bulan lagi amat sukar

**KES** Jan 6, 2021 @ 9:11pm  
Mayat Mohammad Fakeh ditemui tersangkut pada pokok